

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 16

## Seludup telur ke Thailand punca bekalan kurang

### Seludup telur ke Thailand punca bekalan kurang

**KOTA BHARU** – Kegiatan penyeludupan telur ke Thailand merupakan antara punca yang menyebabkan negara mengalami kekurangan kira-kira 100,000 biji bekalan telur sebulan.

Pengerusi Jawatankuasa Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annur Musa berkata, keadaan itu berlaku berikutan harga telur yang dijual negara tersebut jauh lebih mahal berbanding di sini.

"Jadi, kita berharap mereka yang terlibat dalam kegiatan penyeludupan supaya dapat memberikan kerjasama kepada jawatankuasa untuk tidak membawa telur ke Thailand.

"Bekalan telur tidak dapat ditambah dengan kadar segera memandangkan proses ayam gantian untuk menghasilkan telur baharu memerlukan tempoh masa sehingga empat


bulan," katanya pada sidang akbar selepas menyampaikan bantuan kepada mangsa ribut di Kampung Tegayong, Melor di sini kelmarin.

Mengulas lanjut, Annur yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, berdasarkan siasatan, ayam yang menghasilkan telur disembelih terlebih awal sedangkan ia masih lagi mampu mengeluarkan telur.

Katanya, proses ayam gantian untuk mendapatkan bekalan telur baharu itu menjadi lambat.

"Keadaan itu menyebabkan kerajaan perlu menambah RM20 juta sebulan untuk pulihkan bekalan telur, impaknya masih belum ada sehingga ke hari ini.

"Kita jangka bekalan telur ayam mungkin akan pulih pada akhir Disember ini," katanya.



HARGA telur di Thailand dijual lebih mahal berbanding di negara ini.